

Buletin Perpustakaan KMM

2015

BIL. 1/2015

TERBITAN UNIT PERPUSTAKAAN KMM



JUALAN
BUKU
BB1M

TEKA
JUMLAH
BUKU

SUDUT
PPPM
2013-2025

SPELL
WORD
PUZZLE

MPPB
2015/2016

LAWATAN
PENGARAH
BMKPM

ms-6

ms-13

ms-9

ms-13

ms-8

ms-10



PERPUSTAKAAN KOLEJ Matrikulasi Melaka

ISI KANDUNGAN



- 3 Sekapur Sirih**
- 5 Ruangan Ekspresi Dirimu**
- 6 Pameran & Jualan Buku BB1M**
- 7 Penggantian Karpet Tangga Perpustakaan**
- 8 Minggu Pendaftaran Pelajar Baharu 2015/16**
- 9 Sudut PPPM 2013 - 2025**
- 10 Lawatan Kerja Pengarah BMKPM**
- 12 Pameran & Jualan Buku Siri 2**
- 13 Spell Word Puzzle, Selfie with Books, Peraduan Teka Jumlah Buku & Pameran Logo Kemerdekaan**
- 13 Karnival Pendidikan Kerjaya**
- 14 Kunjungan Mobile BookCafe**
- 15 Aktiviti di Luar KMM**

PEGAWAI & STAF 2015

UNIT PERPUSTAKAAN



SEKAPUR SIRIH PUSTAKAWAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Salam perkenalan dalam edisi sulung Buletin Perpustakaan KMM bagi tahun 2015. Pada tahun lalu, Unit Perpustakaan telah melaksanakan pelbagai aktiviti yang melibatkan pelajar KMM. Bagi tahun 2016, sebanyak 14 aktiviti telah dirancang untuk dilaksanakan. Bengkel Penggunaan Sumber Elektronik akan diberi keutamaan dengan mensasarkan penglibatan pelajar dan pensyarah. Kewujudan Pangkalan Data PNM dilihat sebagai pemangkin dalam merealisasikan kempen galakan membaca di peringkat Kolej Matrikulasi Melaka dengan penekanan kepada akses sumber maklumat yang pelbagai. Secara tidak langsung, pangkalan data yang disediakan itu dapat membantu warga KMM untuk mendapatkan ilmu dan bacaan yang sesuai dengan minat masing-masing dan seterusnya memupuk budaya membaca di kalangan mereka. Pelaksanaan Pameran dan Jualan Buku sebanyak 4 kali pada tahun lalu akan diteruskan dengan penambahbaikan dari segi jumlah penyertaan. Bangunan Perpustakaan juga turut menjadi lokasi utama kepada proses pendaftaran pelajar lelaki bagi sesi 2015/2016. Lawatan Kerja oleh Pengarah BMKPM yang baharu pada bulan Mei yang lalu juga turut memberi impak kepada cadangan perolehan buku baharu sebagai tambahan kepada koleksi buku sediaada.

Secara tidak langsung, Unit Perpustakaan KMM juga dilihat sebagai salah satu unit yang turut membantu dan menyokong usaha-usaha pengurusan tertinggi kolej dalam memastikan kecemerlangan pelajar.

HILMY BIN MOHAMED NAJIB
PUSTAKAWAN S44(M)

YUSMILA BINTI ISHAK
PENOLONG PUSTAKAWAN S27



ROHAIZAH BINTI EDRIS
PEMBANTU PERPUSTAKAAN S17



KAMISIAH BINTI AHMAD
PEMBANTU PERPUSTAKAAN S17



NUR KHAZIRAH BINTI
ABDUL GHANI
PEMBANTU PERPUSTAKAAN S17



MOHAMAD KHAIRUL BIN TALIB
PEMBANTU PERPUSTAKAAN S17



AZLIZAH BINTI AZIZ
PEMBANTU PERPUSTAKAAN S17



MOHD FEROZ BIN ZAKARIA
PEMBANTU OPERASI N11
(bertukar keluar ke Unit Asrama mulai Jun 2015)



MOHD RIZUAN BIN MOHAMAD
PEMBANTU OPERASI N11
(bertukar masuk ke Unit Perpustakaan mulai Jun 2015)



NOOR FADLY BIN MOHAMAD SAID
PEMBANTU OPERASI N11
(bertukar keluar ke Unit Makmal mulai Dis 2015)



ROSNANI BINTI MOIDEEN
PEMBANTU OPERASI N11
(berlantik masuk ke Unit Perpustakaan mulai Dis 2015)

BANNER KATA-KATA MOTIVASI

Honesty is the first chapter
in the book of wisdom
- Thomas Jefferson

If you only read the books
that everyone else is reading,
you can only think what everyone
else is thinking
- Haruki Murakami

To read without reflecting
is like eating without
digesting
- Edmund Burke

Every book you pick up has its
own lesson or lessons,
and quite often the bad books have
more to teach than good ones
- Stephen King

The things I want to know
are in books, my best friend is
the man who'll get me a
book I ain't read
- Abraham Lincoln

You cannot open a book without
learning something
- Confucius

There is no friend
as loyal as book
- Ernest Hemingway

If the critics are right that I've made all
my decisions based on polls, then I must not be
very good at reading them
- Barack Obama

Acquire knowledge, and learn
tranquility and dignity
- Omar Ibn Al-Khattab

How well he's read, to reason
against reading!
- William Shakespeare

A book is like a garden
carried in the pocket
- Chinese Proverb

I've been asked this question so many times,
do you feel you need to write a book for adults?
No, I don't need to write a book for adult.
- J.K. Rowling

"Yang paling saya takutkan
atas umat ini lalah orang
munafik yang berilmu".
-Umar bin Khattab-

"Ilmu bermula bukan ketika
kelas dimulakan atau ketika helaihan
buku mula diselek tetapi saat
rasa hati ingin untuk belajar."
-Abul Fakar-

"Tuntutlah ilmu disaat kamu
miskin, ia akan menjadi
hartamu. Di saat kamu kaya,
ia menjadi perhiasanmu."
-Luqman al-Hakim-

Ilmu itu lebih baik daripada harta. Ilmu
menjaga engkau dan engkau menjaga harta.
-Khalifah Ali bin Abi Talib-

"Ilmu itu dimiliki dengan lidah
yang banyak bertanya dan
akal yang banyak berfikir"
-Abdullah Ibnu Abbas-

"Belajar dari kesalahan membuatmu
dewasa dan pengalaman orang lain,
membuatmu bijaksana."

"Membaca adalah
guru yang terbaik"

Fikiran merupakan sumber ilmu, sedangkan ilmu
itu sendiri merupakan sumber amal.
-Wahb-

"Orang yang tidak menyukai
ilmu bererti ia senang hidup
dalam kebodohan."

"Barangsiaapa yang keluar untuk
mencari ilmu, maka ia berada di
jalan Allah sampai ia kembali"
-HR Tirmidzi-

"Ikatlah ilmu dengan
menulisnya."
-Khalifah Ali bin Abi Thalib-

Ilmu itu penghukum (hakim) dan harta terhukum.
Harta itu kurang apabila dibelanjakan tapi
ilmu bertambah bila dibelanjakan.
-Khalifah Ali bin Abi Talib-

UNIT Perpustakaan menyediakan *banner* yang memaparkan
mutiara kata mengenai ilmu dan budaya membaca. *Banner* ini
telah digantung di kiri kanan tangga ke perpustakaan. Secara
tidak langsung, *banner* ini dapat menceriakan laluan masuk ke
perpustakaan dan Unit Sains Komputer.



RUANGAN EKSPRESI DIRIMU



UNIT Perpustakaan mewujudkan satu ruangan untuk pelajar mencatatkan pandangan, idea, komen, ucapan galakan dan perangsang di Ruangan Ekspresi Dirimu. Penyertaan pelajar amat menggalakkan yang mana pada mulanya hanya seunit panel pameran digunakan untuk melekatkan *sticky notes* tersebut dan kini ianya ditambah menjadi dua panel.

Sticky notes tidak memfokuskan kepada tulisan semata-mata. Bagi yang kreatif melakarkan ucapan dengan lukisan yang menarik.




Panel papan kenyataan digunakan untuk melekatkan *sticky notes* pelajar KMM di pintu masuk utama Perpustakaan.

Antara *sticky notes* yang ditulis oleh pelajar KMM.

PAMERAN & JUALAN BUKU BB1M



Pameran dan Jualan Buku BB1M diadakan pada 11-13 Mac 2015 bertempat di aras bawah Perpustakaan. Program ini dilaksanakan sempena penyerahan Baucar Buku 1Malaysia kepada pelajar KMM. Sebanyak lima penjual buku telah dijemput untuk memamer dan menjual buku akademik dan umum sepanjang tiga hari program berlangsung.



Antara penjual buku yang terlibat dalam aktiviti yang dianjurkan.

Para pelajar tidak melepaskan peluang untuk membeli buku dengan menggunakan baucar buku 1Malaysia.

PENGGANTIAN KARPET TANGGA

Pengurusan Tertinggi KMM telah meluluskan peruntukan bagi menggantikan karpet di tangga perpustakaan. Penggantian ini amat perlu memandangkan karpet sedia ada sudah koyak dan usang serta boleh menyebabkan pelajar atau pensyarah terjatuh semasa menggunakan tangga ini untuk ke Perpustakaan, Unit Sains Komputer dan Makmal Bahasa Inggeris. Selain itu juga, bangunan Perpustakaan turut menjadi lokasi utama untuk pendaftaran pelajar lelaki semester baharu sesi 2015/2016.



Penggantian karpet di tangga perpustakaan sehingga tangga di Unit Sains Komputer/Makmal Bahasa

PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

Pendaftaran Pelajar Baharu bagi sesi 2015/2016 telah diadakan pada 25 Mei 2015. Pendaftaran kali ini dibuat pengasingan yang mana pelajar perempuan akan mendaftar di blok pentadbiran manakala pelajar lelaki di bangunan Perpustakaan. Secara tidak langsung, pendaftaran pelajar dapat dilakukan dengan jayanya dan pergerakan lalu lintas terkawal dan lancar. Pustakawan dan semua staf Perpustakaan terlibat dalam pendaftaran pelajar ini.



Khemah ditempatkan di hadapan bangunan perpustakaan bagi kemudahan ibu bapa menunggu pelajar lelaki mendaftar



Kaunter Serahan Peralatan MPPB (gambar atas) dan Kaunter Imbas Masuk Pelajar

Kaunter PraSemakan Dokumen disediakan di bahagian bawah pintu masuk utama Perpustakaan

SUDUT PPPM 2013-2025



Keadaan sudut yang menempatkan maklumat mengenai PPPM 2013 – 2025. Pada asalnya ruangan ini adalah untuk pelajar bersantai dan berehat

Pengarah KMM telah mencadangkan agar Unit Pusat Sumber menyertai Pertandingan Sudut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 anjuran PADU, KPM. Bagi merealisasikan hasrat Ybhg. Pengarah KMM, pegawai dan staf perpustakaan mengambil inisiatif mempamerkan maklumat dan membuat dekorasi bagi penyediaan sudut khas tersebut di perpustakaan.



LAWATAN KERJA PENGARAH BM



Pengarah BM bergambar bersama-sama Pengurusan Tertinggi sempena lawatan kerja ke KMM.



Pengarah meluangkan masa melihat Sudut PPPM 2013-2025 yang diwujudkan di Perpustakaan.

KMM telah menerima lawatan kerja oleh Pengarah BMKPM pada 16 Jun 2015. Dalam lawatan tersebut, bangunan Perpustakaan turut menjadi salah satu lokasi lawatan Pengarah BM untuk meninjau kerosakan sistem penghawa dingin di Unit Sains Komputer.



Pengarah BM beramah mesra dengan pelajar semasa mengadakan lawatan singkat ke Perpustakaan.



Pengarah BM dan Pengarah KMM berbincang mengenai keperluan perolehan buku bagi menambah koleksi sedia ada.

PAMERAN & JUALAN BUKU SIRI 2



Tempat : Aras Bawah Perpustakaan

Tarikh : 11 - 12 Jun 2015

Masa : 10.00 pg - 4.30 ptg

MALAYSIA LIBRARY, SILA HIBUR!

JALAN PERPUSTAKAAN
KOLEJ MATEKULASI MELAKA
75400 MELAKA, MALAYSIA
06-2612006 RAMB: 2000, 3010, 3110

WAKTU PERPUSTAKAAN
SENIN-HAMIS: 8.00 PAGI - 6.00 PETANG
JUMAT: 8.00 PAGI - 12.30 TISI
2.45 PETANG - 4.30 PETANG

Jemputan kepada warga KMM!

Unit Perpustakaan telah menganjurkan 2 siri Pameran & Jualan Buku iaitu pada 11-12 Jun 2015 dan 24-26 Ogos 2015. Aktiviti ini dijalankan di aras bawah Perpustakaan bagi menarik minat pelajar berkunjung ke perpustakaan. Beberapa penjual buku sekitar Melaka telah dijemput bagi menjayakannya. Pelbagai buku akademik dan umum turut dipamer dan dijual kepada pelajar dan pensyarah dalam tempoh aktiviti tersebut berlangsung.



Para pelajar tidak melepaskan peluang untuk membeli dan mendapatkan bahan bacaan yang diminati sempena jualan buku di Perpustakaan.



AKTIVITI SAMPINGAN

Dalam usaha untuk menarik minat pelajar berkunjung ke perpustakaan, beberapa aktiviti berskala kecil turut diadakan antaranya *Spell Word Puzzle Contest*, *Selfie with Books* dan Peraduan Teka Jumlah Buku. Aktiviti ini dijalankan pada minggu ulangkaji yang mana sedikit sebanyak membantu mengurangkan stress pelajar menghadapi peperiksaan UPS/PSPM.

SPELL WORD PUZZLE CONTEST



Antara peserta yang menyertai *Spell Word Puzzle Contest*



PERADUAN TEKA JUMLAH BUKU



Pelajar dikehendaki meneka jumlah buku yang dipamerkan di lobi perpustakaan.

SELFIE WITH BOOKS!



Pemenang menerima hadiah daripada Pustakawan

PAMERAN LOGO & TEMA HARI KEBANGSAAN 1970-2015



KARNIVAL PENDIDIKAN KERJAYA



Bahan bacaan akademik mendapat sambutan yang menggalakkan.



Unit Perpustakaan dipilih untuk menerajui J/Kuasa Pameran Buku sempena Karnival Pendidikan Kerjaya yang dianjurkan oleh Unit Kaunseling Kerjaya KMM yang berlangsung pada 27-28 November 2015. Lokasi program utama KMM adalah di Dewan Utama, KMM. Seramai 17 wakil IPTA dijemput untuk mempromosi dan menghebahkan program-program yang ditawarkan di institusi masing-masing. Pengarah KMM telah menyempurnakan majlis perasmian Karnival Pendidikan Kerjaya pada 28 November 2015. Pihak perpustakaan telah menjemput seramai lima penjual buku bagi memamer dan menjual buku-buku kepada pelajar.



Buku-buku umum seperti motivasi, agama dan novel juga turut dijual semasa Karnival Pendidikan Kerjaya KMM.

KUNJUNGAN MOBILE BOOKCAFE


Selain dari menjemput penjual buku, Unit Perpustakaan juga turut menjemput Mobile Bookcafe untuk mengadakan pameran dan jualan buku sempena Karnival Pendidikan Kerjaya. Kehadiran Mobile BookCafe turut menarik minat pelajar untuk mendekatinya bagi mendapatkan bahan bacaan yang digemari. Secara tidak langsung, satu keunikan dan kelainan dapat diwujudkan dalam pameran dan jualan buku tersebut.



AKTIVITI DI LUAR KMM

PROGRAM JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT

ANJURAN PERPUSTAM



KMM turut dijemput diwakili oleh Pustakawan menghadiri Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit yang dianjurkan oleh Perpustam bertempat di Perpustakaan Awam Melaka. Program ini dirasmikan oleh YAB Datuk Ketua Menteri Melaka pada 23 April 2015.



AKTIVITI DI LUAR KMM

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM THANK YOU MALAYSIA - I LOVE MALAYSIA PERINGKAT NEGERI MELAKA



KMM turut dijemput diwakili oleh Pustakawan untuk menghadiri Majlis Perasmian Program Thank You Malaysia – I Love Malaysia pada 8 Oktober 2015 bertempat di Auditorium Perpustakaan Awam Melaka. Program ini dirasmikan oleh Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi.



Majlis dirasmikan oleh YB Datuk Wira Hj. Md Yunos.



AKTIVITI DI LUAR KMM

MAJLIS PERASMIAN SUDUT TYT YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA



Rujukan
Tarikh : JKMM-SUK/508/13 (114)
26 Oktober 2015

Semua Ketua Jabatan Negeri Melaka
Semua Ketua Jabatan Persekutuan Negeri Melaka
Semua Pengguna Tempelan Negeri Melaka
Semua Ketua Agenzi Berkanun / Persekutuan Negeri Melaka
Semua Pegawai Institut Pengajian Tinggi Awam / Swasta Negeri Melaka
Semua Ketua Bahagian / Unit Jabatan Ketua Menteri Melaka
YB Datuk / Y. Bhg. Datuk / Tuan / Puan,

JEMPUTAN KE MAJLIS PERASMIAN SUDUT TUAN YANG TERUTAMA
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA SEMPENA SAMBUTAN HARI JADI KE-
77 TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA TAHUN
2015

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Melaka dan Perbadanan
Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM) akan mengadakan Majlis
Perasmian Sudut Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka pada
kelentuan berikut -

Tarikh : 12 November 2015 (Khamis)
Maaf : 02.00 Petang
Tempat : Dewan Tuah
Pembadan : Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka
Pakaihan : 242-1, Jalan Bukit Baru, 75150 Melaka
Bekti

3. Majlis perasmian akan disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk
Sej Idris Bin Hj. Haron, Ketua Menteri Melaka dan turut dihadiri oleh Tuan
Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd. Khalil Bin Yaacob, Yang di-Pertua
Negeri Melaka.

KMM turut dijemput diwakili oleh
Pustakawan menghadiri Majlis Perasmian
Sudut Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua
Negeri Melaka sempena Sambutan Hari
Jadi ke-77 pada 12 November 2015
bertempat di Dewan Tuah, Perpustakaan
Awam Melaka. Majlis perasmian telah
disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri
Melaka disaksikan sendiri oleh TYT Negeri
Melaka.



MESYUARAT IKHTISAS PUSTAKAWAN



Pustakawan KMM telah menghadiri Mesyuarat Ikhtisas Perpustakaan Gunasama Kumpulan Pengurusan & Profesional 2015 bertempat di Grand Riverview Hotel, Kota Bharu, Kelantan pada 31 Oktober – 2 November 2015. Pustakawan seluruh Malaysia hadir bagi membincangkan isu-isu semasa berkaitan bidang kepustakawan dan perpustakaan. Mesyuarat tiga hari tersebut dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia selaku ketua perkhidmatan bagi skim pustakawan. Para peserta juga turut didedahkan dengan sesi Perkongsian Amalan Terbaik dan lawatan akademik ke Perpustakaan Tok Kenali, Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu, Kelantan.

AKTIVITI GOTONG-ROYONG AMALAN 5S



Statistik UNIT PERPUSTAKAAN 2014 & 2015



	STATISTIK PERPUSTAKAAN 2014											
PERKHIDMATAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OG	SEP	OKT	NOV	DIS
Ahli Baru					1,068							
Pengunjung	6,278	5,843	10,949	17,214	-	13,962	14,344	9,949	11,661	12,459	3,120	10,400
Pinjaman buku	103	45	325	45	-	-	-	-	-	-	-	-
Pengguna Cybernet	328	646	1,000	406	-	859	653	429	523	259	170	950
Penggunaan bilik perbincangan	51	48	99	536	-	45	141	371	323	160	10	94

Jumlah Keseluruhan Tahun 2014 –

Kumulatif Koleksi (buku)*	- 44,711 unit
Pengunjung	- 116,179
Pinjaman Buku	- 518**
Penggunaan Cybernet	- 6,223
Penggunaan Bilik Perbincangan	- 1,878

*jumlah terkumpul dari tahun-tahun terdahulu

**rekod statistik tidak dapat disediakan dari bulan Jun-Dis 2014 kerana masalah sistem ILMU

	STATISTIK PERPUSTAKAAN 2015											
PERKHIDMATAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OG	SEP	OKT	NOV	DIS
Ahli Baru					2,201							
Pengunjung	8,462	3,798	8,504	15,050	-	17,687	11,089	11,236	10,283	19,953	4,124	8,092
Pinjaman buku	247	217	228	82	-	560	411	456	310	417	19	24
Pengguna Cybernet	315	568	660	327	-	296	118	51	109	102	69	334
Penggunaan bilik perbincangan	26	8	9	367	-	99	41	4	25	722	-	64


Jumlah Keseluruhan Tahun 2015 –

Kumulatif Koleksi (buku)*	- 44,913 unit
Pengunjung	- 118,278
Pinjaman Buku	- 2,971
Penggunaan Cybernet	- 2,949
Penggunaan Bilik Perbincangan	- 1,365


*jumlah terkumpul dari tahun-tahun terdahulu

GRAF PERBANDINGAN 2014 & 2015

PENGUNJUNG




PINJAMAN




GRAF PERBANDINGAN 2014 & 2015

PENGGUNA CYBERNET



PENGGUNA BILIK PERBINCANGAN



Takwim Aktiviti Perpustakaan 2015

1.	Sudut 'Ekspresi Dirimu'	3 Mac – 30 April 2015
2.	Program Pameran & Jualan Buku Baucar Buku 1Malaysia (BB1M)	11-13 Mac 2015
3.	Peraduan Teka M/Surat Buku	20 Mac – 11 April 2015
4.	Peraduan <i>Spell Word Puzzle</i>	30 Mac 2015
5.	Peraduan <i>Spell Word Puzzle</i>	9 April 2015
6.	Peraduan Pencarian Maklumat	6 – 15 April 2015
7.	Kempen Program Wakaf Buku	14 – 28 April 2015
8.	Lawatan ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2015	28 April 2015
9.	Program Pameran & Jualan Buku Siri 1	11-12 Jun 2015
10.	Penghantaran Penyertaan Pertandingan Sudut PPPM 2013-2025	21 Mei 2015
11.	Peraduan Teka Jumlah Buku	12 – 26 Ogos 2015
12.	<i>Selfie With Books Contest</i>	12 – 26 Ogos 2015
13.	Pameran & Jualan Buku KMM	24 – 26 Ogos 2015
14.	Peraduan <i>Spell Word Puzzle</i>	24 Ogos 2015
15.	Pameran Logo & Tema Hari Kebangsaan 1970 – 2015	17 Ogos – 16 Sept 2015
16.	Pameran & Jualan Buku Sempena Karnival Pendidikan Kerjaya	27 – 28 Nov 2015

Perancangan Aktiviti Perpustakaan 2016

1.	Buletin Perpustakaan 2015	1
2.	Laman Web Unit Perpustakaan	1
3.	Bengkel Penggunaan Sumber Elektronik (Staf)	2
4.	Bengkel Penggunaan Sumber Elektronik (Pensyarah)	2
5.	Peraduan <i>Spell Word Puzzle</i>	4
6.	Peraduan Teka Jumlah Buku	2
7.	Pameran & Jualan Buku	3
8.	Lawatan ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2015	1
9.	Pertandingan Peminjam Buku Terbanyak (Pelajar/Staf/Pensyarah)	6
10.	Pertandingan Fotografi 'Gelagat Membaca'	1
11.	Pertandingan Membaca Jawi	1
12.	Pameran Umum	3
13.	Peraduan Teka M/surat Buku	2
14.	Lawatan Sambil Belajar Kelab Rakan Pustaka	1